

# Qalam

\*Bilangan 123 Rabiul Akhir 1380, Oktober 1960 60 sen

## Pensyarah-pensyarah dari Indonesia

Singapura khususnya dan Persekutuan Tanah Melayu umumnya, semenjak sesudah Perang Dunia yang kedua ini adalah berasa berbahagia dan bersyukur kepada Allah kerana dari satu ke satu masa banyak cerdik pandai dan alim ulama Indonesia yang telah singgah ke mari sempat menyambal-nyambalkan memberi syarahan-syarahan agama – memberi penerangan-penerangan agama, yang memberi faedah kepada umumnya orang-orang Islam kerana walau bagaimanapun, kerana mereka orang yang datang dari lain tempat adalah menjadikan sebab orang-orang kita suka, atau sekurang-kurangnya kepingin mendengar syarahan-syarahan atau ceramah-ceramah dari saudara kita, alim ulama dari Indonesia itu.

Tempat yang beruntung benar menerima kedatangan pensyarah-pensyarah agama ataupun mubaligh-mubaligh agama itu, ialah Singapura dan Johor Baharu – kerana tempat ini adalah tempat persinggahan, tempat lalu lintas bagi alim ulama yang berjalan keluar negeri atau pun, pada masa dahulu, tempat singgah mereka tatkala hendak pergi atau datang dari Sumatera ke Pulau Jawa.

Dengan kedatangan mereka itu ke mari maka dengan sendirinya mereka dapat mengikat tali persaudaraan antara Indonesia dengan Tanah Melayu. Kedatangan yang tidak

rasmi itu sebenarnya adalah menjadi tali penghubung yang erat di antara kedua golongan yang berasal satu ini.

Kedatangan alim ulama Indonesia ke Singapura pada masa yang lalu, iaitu masa sesudah merdeka, adalah umumnya bukan dengan “undangan” ataupun jemputan. Tatkala mereka singgah sehari dua ataupun seminggu di sini maka sahabat-sahabatnya yang ada di Singapura dicarinya peluang supaya beliau (ulama-ulama itu) memberi syarahan-syarahan di masjid-masjid ataupun jika sempat di tanah lapang. Dengan cara inilah dikenal oleh orang-orang di sini nama-nama seperti Kiyai Anwar Musaddad, Abdul Kahar Muzakir, Nasiruddin Latif, Muhammad Salih Suwaidi, Zainal Arifin Dato’, Kasman Singodimedjo, Arshad Talib Lubis, Kiyai Hasbi Ash-Shiddieqy dan lain-lainnya. Mereka mengadakan syarahan dengan ikhlas, semata-mata memberi sumbangan untuk merapatkan persaudaraan di antara orang-orang Indonesia dan Tanah Melayu dan memberi penerangan agama sebagai sifat mereka sebagai mubaligh.

Tetapi setelah melihat sambutan yang baik orang-orang Singapura dan Tanah Melayu ke atas pensyarah-pensyarah Indonesia itu maka nampaknya peluang ini diambil oleh beberapa orang

### Keterangan Gambar Kulit

Muka hadapan Majalah Qalam keluaran ini diserikan oleh gambar Duli Yang Maha Mulia Seri Paduka Baginda Yang di-Pertuan Agong, Raja Syed Putra ibni Al-Ruhum<sup>1</sup> Syed Hassan Jamalullail manakala di sebelah belakang diserikan oleh gambar Yang Maha Mulia Baginda Permaisuri Agong, Tengku Budriah binti Tengku Ismail.

<sup>1</sup> sebetulnya Almarhum

untuk mengadakan syarahan selalu di sini. Ini adalah baik dan bermanfaat tetapi cara-cara mereka itu yang akhir ini nampaknya tidak lagi secara untuk tujuan mubaligh. Kedatangan mereka sudah menjadi cara yang lain. Di mana-mana mereka diminta bersyarah maka tempat yang meminta itu hendaklah menyediakan wang sebanyak \$50. Umpamanya bagi sekali bersyarah iaitu perbelanjaan selain daripada mengadakan alatan-alatan yang lain. Kemudian cara ini berpindah pula dengan menjual risalah-risalah dengan harga 50 sen senaskhah yang kononnya ada untuk derma madrasah. Kemudian cara menjual risalah ini pun semakin kuat dijalankan iaitu di mana-mana diadakan syarahan pensyarah itu sendiri dikatakan mengisytiharkan bahawa bagi mereka yang beriman hendaklah duduk tetap di dalam masjid sehingga mereka membeli sekurang-kurangnya satu risalah dengan bayaran tidak kurang dari lima puluh sen dan kalau mau bayar lebih tidak mengapa, ada lebih baik lagi.

Kalau dahulunya kedatangan pensyarah-pensyarah dari Indonesia itu diterima dengan ikhlas dan baik oleh penduduk-penduduk Singapura kerana kedatangan mereka dengan cara ikhlas dan tidak pernah tabung-tabung diedarkan untuk memungut derma sehingga ke sana sini orang-orang mengikuti mereka bersyarah kerana hendak mendengar syarahannya tetapi sekarang orang-orang telah terasa bahawa syarahan-syarahan itu tidak lagi diadakan dengan ikhlas tetapi ditujukan kepada mencari wang sedang kedatangan mereka tidak diminta. Kalau sekiranya mereka diminta oleh sesuatu badan untuk datang ke mari maka hendaknya badan atau orang perseorangan itulah menanggungjawab atas serba-serbi mengenai kedatangan mereka – dan kalau perlu adakanlah pungutan-pungutan luar kepada orang yang suka berderma atau

daripada dermawan-dermawan tetapi janganlah hendaknya di majlis syarahan-syarahan ini dijadikan tempat memungut atau menjual risalah-risalah kerana yang demikian ini akan menjauhkan orang-orang yang mau jinak kepada agama bahkan menjauhkan pula orang-orang yang ikhlas daripada berusaha kepada jalan yang tersebut (jalan untuk memberi pertolongan dengan secara ikhlas).

Cita-cita menanamkan mahabbah di antara orang-orang Islam Indonesia dan Malaya yang dicita-cita tidak akan terikat apalagi kalau ada pula di antara pensyarah-pensyarah itu berterang-terang meminta wang dengan menyatakan bahawa kedatangannya ke Malaya bukannya percuma tetapi kerana hendak mencari wang untuk mendirikan rumahnya atau untuk mengahwinkan anaknya atau seumpamanya – sehingga memandang bahawa di Malaya ini adalah pasaran yang baik untuk “bersyarah” agama sebab boleh menerima hasil-hasil yang besar yang kadang-kadang sekali datang boleh cukup belanja setahun hidup di Indonesia.

Kesannya daripada perbuatan-perbuatan beberapa orang yang seperti ini sangat buruknya. Sekarang telah kita melihat pula keadaan itu ditiru oleh pensyarah-pensyarah kita di sini kerana mereka kerap pula dipersilakan atau dipanggil bersyarah di mana-mana tempat, maka pensyarah-pensyarah orang Singapura mulai pula mencetak kitab-kitabnya (risalahnya) dan di mana mereka bersyarah – apabila hendak menamatkan sahaja syarahannya dengan lantam mereka meminta hadirin membeli risalah-risalah yang dibawanya dengan harga 50 sen umpamanya – tidak lagi menerusi pengerusi majlis itu. Ini seolah-olah kita mendengar orang berjual ubat, sesudah menerangkan mujarab dan buruk baiknya perubatannya lalu menjual ubat-ubatnya. Kalau mereka ditanya mengapa mereka berbuat begini, maka mereka menjawab kalau pensyarah-pensyarah dari

Indonesia boleh mengapa kita tidak boleh, kalau pensyarah dari Indonesia mendapat wang apakah kita di sini tidak boleh mendapat wang.

Dengan keadaan yang seperti ini maka ditakuti kelak majlis syarahan-syarahan agama akan tidak ramai orang-orang menghadirinya; dan orang-orang awam akan tidak suka lagi menghadiri syarahan-syarahan itu sebab majlis syarahan itu keadaannya sudah menjadi tempat orang berniaga – tidak lagi seperti tempat mubaligh; yang mesti dijalankan dengan tulus ikhlas. Hal ini lebih-lebih lagi akan dipandang tidak baik oleh pemuda-pemuda yang sangat diharap jiwanya akan ditanam dengan perasaan kasih kepada agamanya dan menjadikan pula peluang yang besar untuk orang-orang yang kurang imannya atau orang-orang daripada orang-orang kita juga, yang bencikan pekerjaan-pekerjaan agama untuk menyerang kita, terutamanya daripada golongan-golongan pemuda-pemuda yang namanya sahaja Islam tetapi mereka adalah memusuhi agama Islam.

Kesan yang lebih tidak baik lagi ialah perbuatan-perbuatan ini akan merosakkan nama-nama baik ulama-ulama yang ikhlas di Indonesia. Kerana itu kita berharap pihak perwakilan Indonesia akan memerhatikan hal ini dan bagi mereka berkewajipan memberi amaran ataupun sekurang-kurangnya nasihat kepada pensyarah-pensyarah dari Indonesia yang ada di dalam dadanya sifat **mata duitan** itu berkawal dan berjaga-jaga jangan merosakkan nama baik orang-orang Indonesia sendiri.

#### **Ulama Melayu Dicabar**

Dalam masa makalah ini ditulis, Tuan Hamka “doktor, pujangga dan ulama” Indonesia yang terkenal

sedang berada di Tanah Melayu memberi syarahan-syarahan agama, khabarnya sebagai tetamu atau di kerajaan Persekutuan Tanah Melayu.

Di dalam syarahan-syarahannya itu, kerap kali tersiar di dalam akhbar, khabarnya ia mengatakan bahawa ia menuduh ulama-ulama di Tanah Melayu in hanya banyak menghabiskan masanya membahas persoalan-persoalan kecil, tidak berapa mengendahkan persoalan pokok. Ia seolah-olahnya menuduh dengan pukul borong bahawa ulama-ulama di sini hanya menghabiskan masanya di dalam perkara kecil dan meninggalkan perkara-perkara besar.

Apakah benar tuduhan Hamka itu? Dan apakah pertentangan faham itu terbitnya dari satu-satu pihak atau daripada dua pihak? Apa yang dapat kita lihat tuduhan itu tidak benar! Sungguhpun ada pertentangan beberapa orang ulama, sekali lagi beberapa orang ulama di dalam beberapa hal agama tetapi yang demikian hanya di dalam tulisan tetapi kalau perkara-perkara yang besar sememangnya kita dapati pertentangan itu memang ada, umpama persoalan wang hasil

**sambungan pada muka 37**

---

---

#### **Membetulkan**

**Dalam rencana pengarang Qalam keluaran bulan September yang lalu, muka 3, ruangan dua, baris 13 dari atas, telah ketinggalan suatu baris, yang betulnya seperti berikut:**

**“... sedang orang-orang Melayu umumnya telah mengambil suatu keputusan yang teguh di dalam Kongresnya di Melaka dahulu, bahawa kebudayaan Melayu ialah kebudayaan yang tidak bertentangan dengan ajaran Islam. Selain itu penduduk Singapura umumnya orang yang beragama.”**

---

---